

## Majlis Perpisahan

Prof. Dr. Fauziah Abdul Aziz



*Prof. Fauziah Abd. Aziz menerima cenderahati daripada Timbalan Dekan SST sempena majlis perpisahan beliau*

Pada 26 November 2010 satu majlis perpisahan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Sekolah Sains dan Teknologi, sempena mengenang jasa Prof. Dr. Fauziah Abdul Aziz yang akan berpindah ke Universiti Pertahanan Malaysia. Majlis ini telah dihadiri oleh Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan serta kakitangan SST. Dalam ucapannya, wakil Dekan mengucapkan terima kasih atas jasa yang telah dicurahkan oleh Prof. Dr. Fauziah

sepanjang bertugas di SST dan mengharapkan perhubungan antara SST dan Prof. Dr. Fauziah akan terus berkekalan. Majlis mengenang jasa dan sumbangan Prof. Fauziah sebagai ahli senat UMS dan juga telah menerbitkan jurnal, artikel serta menyelia pelajar pelajar dalam program Fizik dengan Elektronik. Segala jasa baik beliau tidak akan dilupakan.